



Legenda tinju meninggal dunia

LEGENDA tinju dunia, Muhammad Ali meninggal dunia pada usia 74 tahun semalam selepas dua hari dimasukkan ke hospital Phoenix di Arizona kerana masalah pernafasan.

Berita mengenai pemergianya itu disahkan oleh ahli keluarganya.

“Selepas bertarung selama 32 tahun dengan penyakit parkinson, Muhammad Ali meninggal dunia pada usia 74,” kata jurucakapnya, Bob Gunnell.

Muhammad Ali beberapa kali dimasukkan ke hospital sejak be-

berapa tahun lalu.

Beliau dirawat di hospital pada 2014 akibat pneumonia dan sekali lagi pada 2015 kerana masalah jangkitan saluran kencing.

Muhammad Ali yang pernah menjadi juara heavyweight dunia tiga kali terkenal dengan panggilan *The Greatest*.

Sepanjang kariernya, Ali dianggarkan menerima 29,000 kali tumbukan daripada lawannya dan dengan itu dia dianggap manusia paling diiktiraf di dunia.

Antara kata-kata yang termasyhur dan diingati ialah

mengenai dirinya iaitu “Float like a butterfly, sting like a bee.” (Terapung-apung seperti rama-rama, menyengat seperti lebah”).

Ali dilahirkan di Louisville, Kentucky, pada 17 Januari 1942, dengan nama Cassius Marcellus Clay Jr.

Nama berkenaan digunakan sebagai berkongsi kesengsaraan terhadap perhambaan orang kulit hitam pada kurun ke-19.

Dia kemudian menukar namanya sebaik memeluk agama Islam pada tahun 1964.